

Headline	PROTON, PERODUA bincang perkongsian vendor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	159 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 2,789
Frequency	Daily	PR Value	MYR 8,366



PROTON, PERODUA bincang perkongsian vendor

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengesahkan dua syarikat kereta nasional, PROTON Holdings Bhd dan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) ada berbincang mengenai cadangan perkongsian vendor.

Timbalan Menteri, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata perbincangan dari semasa ke semasa itu adalah bagi mendapatkan maklum balas mengenai potensi kerjasama, sebelum keputusan muktamad dibuat kerana ia membabitkan soal dasar.

“Memang ada perbincangan membabitkan MITI, PROTON Holdings dan PERODUA pada masa ini. Ia dilaksanakan dalam usaha membolehkan kedua-

duanya meneroka pasaran eksport yang lebih besar pada masa akan datang,” katanya kepada media selepas melancarkan Persatuan Usahawan Mahasiswa Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di Bandar Baru Bangi, semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi UniKL, Datuk Dr Adham Baba serta Presiden dan Ketua Eksekutif UniKL, Prof Dr Mazliham Mohd Su’ud.

Selasa lalu, BH melaporkan PROTON Holdings dan PERODUA akan mengadakan pertemuan minggu ini, bagi membincangkan isu pengukuhan vendor yang dijangkakan berpotensi untuk mencetuskan kepada perkongsian vendor.

Pertemuan pihak penguru-

san tertinggi kedua-dua syarikat automotif itu diatitkan atas inisiatif MITI menerusi agensinya Institut Automotif Malaysia (MAI).

Langkah terbaru kerajaan itu bertujuan meningkatkan daya saing kedua-dua pengeluar kereta nasional berkenaan, selain sebagai strategi berkesan untuk memperkasakan vendor automotif tempatan.

Mukhriz berkata, kerjasama itu jika menjadi kenyataan, ia tidak hanya meningkatkan eksport komponen kenderaan Malaysia pada masa akan datang, malah meletakkan negara ini lebih baik berbanding negara lain dalam soal pembekalan komponen.

“Ia adalah perkara positif

dan penting demi masa depan industri automotif negara,” katanya.

Jelasnya, perkongsian vendor juga tidak akan menimbulkan sebarang masalah berhubung kerjasama kedua-dua syarikat automotif nasional itu dengan rakan niaga global masing-masing.

Malah, beliau berkata, kerajaan mempertimbangkan sebarang bantuan yang diperlukan PROTON Holdings dan PERODUA berhubung cadangan perkongsian vendor itu.

Katanya, kerajaan amat menggalakkan kerjasama itu memandangkan perkongsian vendor berpotensi mengembangkan eksport komponen ke luar negara.